

Pilihanraya: Ahli2 UMNO diarah bersiap

MUAR, Isnin — Semua 114 bahagian UMNO di seluruh Semenanjung hari ini diseru siap sedia menghadapi pilihanraya umum yang mungkin diadakan tidak lama lagi.

Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Datuk Haji Embong Yahya berkata, walaupun tarikh pilihanraya itu masih belum ditetapkan tetapi jentera pilihanraya UMNO hendaklah diaktifkan bagi menentukan semua kerusi yang dimenangi oleh UMNO dalam pilihanraya umum 1978 dikekalkan.

Bellau menjangka UMNO khasnya dan Barisan Nasional amnya di bawah pimpinan 2M,

akan memperolehi kejayaan cemerlang berikutan dengan sokongan yang diberi oleh rakyat.

Menurutnya, dari tinjauan yang dibuat ke seluruh tanahair didapati sistem kerajaan 2M di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapat sokongan penuh dari rakyat.

Mengenai spekulasi bahawa pilihanraya umum mungkin diadakan April depan, berikutan bahagian-bahagian UMNO diarahkan mengadakan mesyuarat agung lebih awal, bellau berkata arahan itu dibuat supaya tidak berlaku kelam kabut memandangkan bulan puasa yang jatuh dalam bulan Jun.

Bellau yang juga Timbalan Menteri Penerangan berkata, adalah menjadi hak Perdana Menteri dan pucuk pimpinan parti untuk menentukan bilakah pilihanraya umum akan diadakan.

Jelasnya, Perdana Menteri akan mengadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk membubarkan parlimen setelah tarikh pilihanraya umum ditetapkan.

Sementara itu, ketika mengulas dakwaan bahawa terdapat pemimpin-pemimpin UMNO yang menggunakan wang untuk mengekalkan kedudukan masing-masing, Datuk Haji Embong berkata, pemimpin-pemimpin ini adalah pemimpin palsu yang tidak kekal.

Katanya, pemimpin-pemimpin jenis ini biasanya tidak dapat bertahan lama kerana ahli-ahli UMNO sedar mereka bukanlah pemimpin tulen dan benar-benar memperjuangkan nasib rakyat dan negara.

Jelasnya, hanya pemimpin-pemimpin yang dipilih kerana dedikasi dan jujur dapat mengekalkan kepimpinan masing-masing dan disayangi oleh ahli-ahli UMNO khasnya dan rakyat keseluruhannya.

Tambahnya, mungkin dulu ada pemimpin yang menggunakan wang un-

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia